

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**  
**[ KLUANG ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta PERDANA MENTERI menyatakan status tender Loji Waste to Energy di Taman Beringin, Kepong, dan projek usahasama IHI Enviro dengan KUB di Johor.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya proses tender Loji Waste to Energy di Taman Beringin, Kepong diadakan semula yang mana telah pun dilaksanakan mulai 29 September 2015. Tarikh tutup penghantaran tender adalah pada 28 Januari 2016.

Berkenaan projek usahasama IHI Enviro dengan KUB di Johor pula, adalah difahamkan mereka bercadang untuk mengambil bahagian dalam projek insinerator pada masa hadapan. Pihak Kerajaan tidak terlibat dalam usahasama ini.

Sekian, terima kasih.